

PASDEC bangun bandar baru



Adnan (tengah) bersama Pengarah Urusan Kumpulan, Yusof Ali Mohamed Zain (dua dari kanan) dan kakitangan PASDEC.

■ NORAZRIN MARZUKI

KUANTAN - Pasdec Holdings Berhad (PASDEC) kini memasuki fasa baru dengan memajukan beberapa kawasan yang akan dibangunkan sebagai Bandar Baru.

Menteri Besar dan merangkap Pengerusinya, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, selain Pasdec Damansara, Bandar Putra, Baluk Perdana dan Chendor Utama kini rancak dalam pembinaan dan dijangka siap akhir tahun depan sebagai projek pembangunan komersial di se-

kitar Kuantan, Temerloh, Rompin, Jerantut dan Raub.

Beliau berkata, selain memberi tumpuan kepada pembangunan hartanah, PASDEC juga melancarkan empat projek utama sejak Julai tahun lalu dan yakin dengan kejayaannya memandangkan rekod pasaran hartanah memberangsangkan.

"Pasdec Damansara adalah salah satu projek pembangunan yang melibatkan 214 hektar tanah dan menelan perbelanjaan kira-kira RM623 juta bagi membina 187 unit rumah teres dua tingkat.

"Sebanyak 642 unit projek siap dan 31 peratus daripadanya telah berjaya dijual," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Mesyuarat Agong Tahunan kali ke-11 PASDEC di Hyatt Regency, di sini kelmarin.

Bagi mengukuhkan kedudukan syarikat katanya, PASDEC kini menjalin hubungan dengan rakan kongsi lain terutama bidang pelancongan kerana syarikat itu turut berperanan dalam menjana sumber ekonomi negeri.